



KOMITMEN MENENTANG SOGOKAN DAN RASUAH

Pelanggan dan pemegang taruh yang dihormati,

Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) merupakan agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia yang telah ditubuhkan untuk memberikan latihan, khidmat rundingan, penyelidikan dan pembangunan serta penyebaran maklumat dalam bidang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP). Sehubungan dengan itu, NIOSH menyokong usaha antirasuah Kerajaan, Kementerian dan SPRM dengan memperkuat tadbir urus korporatnya dan sentiasa menerapkan amalan perniagaan yang berektika dalam kalangan lembaga pengarah, pengurusan, warga kerja, pelanggan, vendor dan pemegang taruh bagi mematuhi undang-undang antirasuah.

Rasuah bermaksud meminta, menerima, menawar dan memberi sogokan sebagai upah atau dorongan untuk seseorang individu kerana melakukan atau tidak melakukan sesuatu perbuatan yang berkaitan dengan tugas rasmi. Dengan peruntukan undang-undang baharu, Seksyen 17(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 (Pindaan 2018) yang dikenali sebagai liabiliti korporat memperuntukkan kesalahan rasuah oleh organisasi komersial telah mula berkuat kuasa pada 1 Jun 2020. Dalam usaha menggalakkan aktiviti perniagaan dijalankan dengan integriti tanpa rasuah dan mempromosi amalan tadbir urus yang baik, NIOSH telah menuju ke arah pensijilan ISO 37001:2016 Sistem Pengurusan Anti-Rasuah.

Kami mengambil pendekatan toleransi sifar terhadap sogokan dan rasuah serta komited untuk bertindak secara professional, adil dan berintegriti dalam semua urusan dan hubungan perniagaan NIOSH. Bagi memastikan hal ini, kami memohon kerjasama anda untuk mengekalkan standard yang tinggi dalam semua urusan perniagaan. Pelaksanaan polisi ini merupakan satu tanggungjawab dan komitmen kami dalam memberi perkhidmatan terbaik secara telus dan adil kepada semua pelanggan dan pemegang taruh NIOSH.

Sehubungan dengan perkara di atas, kami memohon pematuhan anda terhadap peruntukan undang-undang baharu berkenaan semasa menjalankan aktiviti perniagaan dengan NIOSH. Sekiranya anda dihubungi oleh mana-mana warga kerja NIOSH yang meminta sebarang bentuk suapan, sila laporkan perkara tersebut kepada Unit Integriti & Governans (IGU) atau melalui saluran pelaporan sulit NIOSH di whistleblower@niosh.com.my.

Kami menasihatkan anda bahawa sebarang ketidakpatuhan terhadap peruntukan terhadap undang-undang baharu berkenaan boleh mengakibatkan tindakan diambil terhadap anda dan pekerja anda, termasuk menyerahkan perkara tersebut kepada SPRM untuk tindakan selanjutnya.

Kami mengucapkan terima kasih atas kerjasama yang baik dan mengharapkan sokongan komitmen terhadap ISO 37001:2016 Sistem Pengurusan Anti-Rasuah serta hubungan perniagaan professional yang berterusan dengan anda.

Terima kasih.

Yang benar,

HAJI AYOP BIN SALLEH
Pengarah Eksekutif
NIOSH